

Bab 1: Pengenalan kepada Ekonomi

Latihan Sumatif 1

(A) Soalan Objektif

1 D	6 D
2 C	7 D
3 B	8 A
4 C	9 C
5 B	10 D

(B) Soalan Esei

1.(a)(i) Empat ciri faktor buruh ialah:

- menyumbang tenaga manusia yang produktif dari segi fizikal atau mental dalam proses pengeluaran
- terbahagi kepada buruh mahir dan buruh kurang mahir
- mempunyai mobiliti geografi yang tinggi
- mempunyai tingkat kemahiran, kecekapan dan produktiviti yang berbeza

(ii) Penyelesaian masalah ekonomi oleh isi rumah:

- Sebagai contoh, Encik Kamal mempunyai wang sebanyak RM300. Beliau ingin membeli sebuah basikal yang berharga RM270 atau sebuah jam tangan yang berharga RM230.
- Encik Kamal menghadapi masalah kekurangan, iaitu kekurangan sumber pendapatan dan tidak dapat memenuhi kedua-dua kehendaknya secara serentak
- Encik Kamal terpaksa membuat pilihan antara dua kehendak, iaitu memilih barang yang akan memaksimumkan kepuasan.

- 2.(a) - Syarikat Filo Sdn. Bhd. ingin mengembangkan operasi perniagaannya sama ada melalui pembinaan sebuah kilang pembuatan baru di Klang yang menelan kos sebanyak RM3 juta ataupun membuka cawangan baru di negara Vietnam yang melibatkan kos sebanyak RM5 juta. Namun, Syarikat Filo Sdn. Bhd. hanya mempunyai modal sebanyak RM6 juta.
- Syarikat Filo Sdn. Bhd menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran, iaitu modal sebanyak RM6 juta yang dimiliki tidak mencukupi untuk kedua-dua cadangan.
 - Syarikat Filo Sdn. Bhd terpaksa membuat pilihan berdasarkan projek pelaburan yang memaksimumkan keuntungan, iaitu pembukaan cawangan di negara Vietnam.
 - Kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Filo Sdn. Bhd. ialah segala keuntungan yang mungkin diperoleh daripada projek pelaburan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan, iaitu keuntungan yang mungkin diterima daripada pembinaan kilang pembuatan baru.

(b)(i) Keluk kemungkinan pengeluaran (KKP) ialah keluk yang menunjukkan had maksimum tingkat pengeluaran barang atau perkhidmatan yang dapat dicapai oleh sesebuah masyarakat atau negara pada penggunaan sumber ekonomi yang optimum dan pada tingkat teknologi tertentu.

(ii) Andaian untuk analisis keluk kemungkinan pengeluaran:

- Ekonomi telah mencapai guna tenaga penuh

- Ekonomi hanya mengeluarkan dua jenis barang
- Sumber ekonomi yang dimiliki adalah tetap dan tetap
- Tingkat teknologi adalah tetap

3.(a) Penyelesaian masalah ekonomi oleh kerajaan:

- **Masalah kekurangan**

Kerajaan menghadapi kekurangan hasil negara kerana jumlah hasil yang dimiliki sebanyak RM3 juta tidak cukup untuk memenuhi kedua-dua projek pembinaan yang memerlukan RM4 juta jika dijalankan secara serentak.

- **Masalah pilihan**

Kerajaan terpaksa memilih projek pembangunan yang memaksimumkan kebajikan masyarakat.

- **Masalah kos lepas**

Kos lepas yang dihadapi oleh kerajaan ialah segala kebajikan masyarakat yang mungkin diperoleh daripada projek pembangunan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih projek pembangunan yang terbaik, iaitu sama ada melepaskan projek pembinaan sekolah menengah baharu atau projek pembinaan jalan raya baharu.

(b) Kelebihan ekonomi Islam berbanding sistem ekonomi pasaran bebas:

- persaingan yang sihat dalam ekonomi Islam memastikan tiada pembaziran sumber manakala persaingan yang bebas dalam sistem ekonomi pasaran bebas mengakibatkan pembaziran sumber.
- motif ekonomi Islam ialah menjaga kebajikan masyarakat dan memastikan keuntungan yang berpatutan manakala sistem ekonomi pasaran bebas mementingkan keuntungan semata-mata.
- individu bebas memilih barangan dan pekerjaan yang halal dalam ekonomi Islam manakala sistem ekonomi pasaran bebas memberi pilihan yang bebas tanpa kawalan yang akan membawa kemudaratan dan masalah sosial.

4.(a) Tujuan kerajaan campur tangan dalam ekonomi:

- Menyediakan barang awam yang tidak disediakan oleh pihak swasta.
- Mengagih semula pendapatan dan kekayaan dalam masyarakat serta merapatkan jurang pendapatan antara golongan kaya dengan golongan miskin melalui sistem cukai
- Menjamin kestabilan ekonomi dengan mengawal kadar inflasi pada tahap yang munasabah
- Mengawal ketidakstabilan harga barang yang ditentukan melalui mekanisme harga
- Mengawal kadar pengangguran pada tahap yang rendah
- Mencegah kesan eksternaliti(luaran) yang negatif seperti masalah pencemaran alam sekitar dan masalah sosial melalui peraturan dan undang-undang


(b)(i) Negara P: Sistem ekonomi pasaran bebas

Negara Q: Sistem ekonomi perancangan pusat

(ii) Penyelesaian masalah asas ekonomi oleh sistem ekonomi Negara P dan Negara Q:

Masalah asas ekonomi	Negara P/ Sistem ekonomi pasaran bebas	Negara Q/ Sistem ekonomi perancangan pusat
(a) Berapa hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui mekanisme pasaran	Ditetapkan oleh kerajaan
(b) Bagaimana hendak dikeluarkan	Diselesaikan melalui pemilihan cara pengeluaran yang paling cekap	Ditentukan oleh kerajaan dan biasanya kaedah insentif buruh akan digunakan
(c) Untuk siapa barang dikeluarkan	Diselesaikan melalui corak agihan pendapatan wang atau kuasa beli masyarakat	Diagihkan secara adil kepada semua individu dalam masyarakat

5.(a)



(b) Konsep kos lepas yang semakin meningkat menyatakan bahawa semakin banyak sesuatu barang dihasilkan, semakin banyak barang lain yang terpaksa dilepaskan untuk menambah barang tersebut.

Berdasarkan keluk kemungkinan pengeluaran di (a), kos lepas yang semakin meningkat digambarkan oleh bentuk keluk yang cembung. Bagi setiap tambahan satu unit barang yang dihasilkan, kuantiti barang lain yang terpaksa dilepaskan semakin meningkat. Contohnya, pergerakan dari titik B ke titik C menyebabkan ekonomi terpaksa melepaskan 20 unit barang pengguna demi menambah 10 unit barang modal. Pertambahan pengeluaran 10 unit barang modal seterusnya, iaitu pergerakan dari titik C ke titik D, memerlukan ekonomi untuk melepaskan lebih banyak barang pengguna, iaitu sebanyak 30 unit.

6.(a) (i) Perbezaan antara sistem ekonomi di negara Zambri dan di negara Samad

Ciri	Negara Zambri/ Sistem ekonomi campuran	Negara Samad/Negara A / Sistem ekonomi pasaran bebas
Pemilikan faktor pengeluaran	<ul style="list-style-type: none">• Sebahagian sumber ekonomi tertentu hanya dimiliki oleh pihak kerajaan	<ul style="list-style-type: none">• Individu atau pihak swasta bebas memiliki semua sumber ekonomi

	<ul style="list-style-type: none"> • Kerajaan mengawal pemilikan sumber ekonomi oleh individu atau pihak swasta melalui undang-undang dan peraturan 	
Penentu kehendak	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna dan pihak pengeluar berhak dalam membuat keputusan ekonomi untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi • Kerajaan campur tangan mengeluarkan barang awam yang tidak dikeluarkan oleh pihak swasta 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna dan pihak pengeluar berhak dalam membuat keputusan ekonomi untuk menyelesaikan masalah asas ekonomi • Pihak kerajaan tidak campur tangan langsung tetapi menetapkan undang-undang dan peraturan yang diperlukan dalam sistem ekonomi

Pembuat Pilihan	<ul style="list-style-type: none"> • Kebebasan individu dan pihak firma untuk membuat pilihan dikawal oleh kerajaan melalui undang-undang dan peraturan • Motif pengeluaran adalah memaksimumkan keuntungan dan kebajikan masyarakat 	<ul style="list-style-type: none"> • Individu bebas dalam membuat pilihan terhadap barangan yang ingin dibeli untuk memaksimumkan kepuasan dan jenis pekerjaan yang ingin diceburi • Motif pengeluaran adalah untuk memaksimumkan kepuasan dan keuntungan
-----------------	--	---

(ii) **Kebaikan:**

- kebajikan individu dan masyarakat dapat dimaksimumkan
- kebebasan yang luas dalam menjalankan aktiviti ekonomi
- kecekapan dalam penggunaan sumber ekonomi
- menggalakkan perkembangan teknologi dan inovasi

Keburukan:

- kegagalan menyediakan barang awam
- mewujudkan ketidakstabilan ekonomi
- agihan pendapatan yang tidak setara
- mewujudkan kuasa monopoli
- berlaku kesan eksternaliti yang negatif

(b) Kesan pemberian wang bantuan persekolahan:

- meningkatkan pendapatan atau kuasa beli individu
- meningkatkan jumlah permintaan barang dan perkhidmatan
- meringankan beban tanggungan kewangan keluarga
- memaksimumkan kepuasan individu

Jawapan Kajian Kes

(a) Masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan:

- **Apa hendak dikeluarkan**
 - diselesaikan melalui kuasa pasaran atau mekanisme harga
 - mengeluarkan siri kasut wanita yang unik, iaitu 'Comfortness'


- **Untuk siapa dikeluarkan**

- diselesaikan mengikut corak agihan pendapatan masyarakat atau kuasa beli individu
- menyasarkan golongan wanita korporat yang berpendapatan tinggi

(b)(i)
$$\text{Kos Lepas} = \frac{0 - 120}{200 - 80} = -1 \text{ pasang kasut wanita}$$

Satu pasang kasut wanita terpaksa dilepaskan untuk mengeluarkan tambahan satu pasang kasut lelaki.

(ii)



(c) Kesan terhadap syarikat Encik Murli

- produktiviti syarikat meningkat
- pendapatan syarikat meningkat
- daya saing syarikat meningkat

(d) Penyelesaian masalah ekonomi syarikat Encik Murli

- **Masalah kekurangan**

Encik Murli menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran, iaitu modal sebanyak RM1.5 juta yang dimiliki tidak mencukupi untuk melaksanakan kedua-dua cadangan pengembangan syarikat.

- **Masalah pilihan**

Encik Murli terpaksa membuat pilihan antara dua cadangan. Beliau akan memilih projek pelaburan boleh memaksimumkan keuntungan, iaitu projek mengambil alih Syarikat Seri Wani Sdn. Bhd.

- **Masalah kos lepas**

Kos lepas yang dihadapi oleh Encik Murli ialah segala keuntungan yang mungkin diperoleh daripada projek pelaburan kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan, iaitu keuntungan yang mungkin diterima daripada projek pembinaan kilang pembuatan baharu di Batu Kawan, Pulau Pinang.

(e) Kesan terhadap syarikat Encik Murli

- imej syarikat terjejas
- kos pengeluaran meningkat
- keuntungan syarikat menurun

Bab 2: Pasaran

Latihan Sumatif 2

(A) Soalan Objektif

1 B	6 B
2 B	7 B
3 C	8 B
4 D	9 B
5 A	10 A

(B) Soalan Esei

1. (a) Jadual berikut menunjukkan permintaan seseorang individu terhadap buah manggis.

Harga Sebiji (RM)	Kuantiti (Biji)
1.00	2
0.80	4
0.60	6
0.40	8
0.20	10

Jadual di atas menunjukkan permintaan Zahirah terhadap buah manggis. Apabila harga buah manggis ialah RM1, beliau akan membeli 2 biji. Apabila harga menurun kepada RM0.80, RM0.60, RM0.40, dan RM0.20, semakin banyak kuantiti manggis yang diminta oleh individu tersebut, iaitu masing-masing meningkat kepada 4 biji, 6 biji, 8 biji dan 10 biji.

Oleh itu, jadual permintaan ini jelas menunjukkan bahawa hubungan antara harga dengan kuantiti diminta adalah bersifat songsang (negatif). Keadaan ini mematuhi hukum permintaan yang menyatakan bahawa apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan berkurang dan sebaliknya, apabila harga menurun, kuantiti diminta akan bertambah.

(b) Perbezaan antara perubahan dalam kuantiti diminta dengan perubahan permintaan:

Aspek	Perubahan dalam kuantiti diminta	Perubahan permintaan
Jenis pergerakan	Pergerakan titik di sepanjang keluk yang sama akibat daripada penguncupan atau pengembangan permintaan	Peralihan keluk sama ada ke kiri atau ke kanan akibat daripada pengurangan atau penambahan permintaan


Faktor yang menyebabkan pergerakan	Harga barang itu sendiri	Faktor bukan harga barang itu seperti harga barang lain, cita rasa, pendapatan, musim, jangkaan harga masa depan, dan dasar kerajaan
------------------------------------	--------------------------	--

2.(a) Hukum penawaran menyatakan bahawa apabila harga sesuatu barang meningkat, kuantiti barang yang ditawarkan akan bertambah dan sebaliknya, apabila harga barang menurun, kuantiti yang ditawarkan akan berkurang dengan andaian *ceteris paribus*. Hubungan antara harga dan kuantiti yang ditawarkan adalah langsung/positif.

(b) Rajah berikut
 firma, iaitu Syarikat


(b) Syarikat Kanvas

menunjukkan penawaran oleh dua buah
 Jarvis dan Syarikat Kanvas.



- Andaikan bahawa dalam pasaran kasut, terdapat hanya dua buah firma, iaitu Syarikat Jarvis dan Syarikat Kanvas.
- Berdasarkan rajah, pada tingkat harga RM15, Syarikat Jarvis menawarkan 20 unit kasut (Rajah (a)) manakala Syarikat Kanvas menawarkan 10 unit kasut (Rajah (b)). Kuantiti penawaran dalam pasaran kasut diperoleh dengan mencampurkan secara mendatar penawaran kedua-dua firma tersebut, iaitu menjadi 30 unit seperti yang ditunjukkan oleh titik w (Rajah (c)).
- Apabila harga meningkat kepada RM30, RM45 dan RM60, kedua-dua firma dalam pasaran menawarkan lebih banyak kasut dan menyebabkan penawaran pasaran juga semakin bertambah, iaitu masing-masing menjadi 40 unit, 50 unit dan 60 unit, seperti yang ditunjukkan oleh titik kombinasi x , y dan z .
- Keluk penawaran pasaran terbentuk dengan menyambungkan setiap titik kombinasi harga dan kuantiti ditawarkan, iaitu w , x , y dan z .

3.(a) Rajah berikut menunjukkan kesan pembatalan subsidi kerajaan kepada pengeluar kereta tempatan.



Keseimbangan pasaran asal tercapai apabila keluk permintaan D_0D_0 bersilang dengan keluk penawaran S_0S_0 pada titik E_0 . Harga dan kuantiti keseimbangan masing-masing ialah P_0 dan Q_0 .

Apabila kerajaan membatalkan subsidi kepada pengeluar kereta tempatan, kos pengeluaran akan meningkat dan pengeluar akan mengurangkan penawaran kereta tempatan. Oleh itu, keluk penawaran kereta tempatan S_0S_0 beralih ke kiri menjadi S_1S_1 . Pada masa yang sama, permintaan terhadap kereta tempatan tidak berubah. Keseimbangan pasaran baru tercapai pada titik E_1 di mana keluk penawaran baru S_1S_1 bersilang dengan keluk permintaan asal D_0D_0 . Harga dan kuantiti keseimbangan baru masing-masing menjadi P_1 dan Q_1 .

(b) Tiga sebab keanjalan harga penawaran koko kurang anjal berbanding dengan keanjalan harga penawaran coklat:

- Tambahan kos yang tinggi bagi penambahan penawaran koko. Penambahan penawaran koko memerlukan tanah yang baru dan masa yang lama. Kedua-dua faktor ini melibatkan kos yang tinggi untuk memenuhinya.
- Bilangan firma yang menawarkan koko adalah lebih kurang berbanding dengan coklat. Hal ini demikian kerana penawaran koko memerlukan tanah penanaman dan tanah penanaman adalah semakin terhad.

- Bilangan firma yang menawarkan koko adalah lebih kurang berbanding dengan coklat. Hal ini demikian kerana penawaran koko memerlukan tanah penanaman dan tanah penanaman adalah semakin terhad.
- Ketersediaan stok atau inventori bagi buah koko adalah kurang berbanding coklat. Penawaran koko bergantung kepada keadaan cuaca dan buah koko tidak dapat bertahan lama.

4.(a) (i) Dalam keadaan 1, apabila harga Barang P menurun, permintaan terhadap Barang Q berkurang manakala permintaan terhadap Barang R bertambah. Dalam keadaan 2 pula, apabila harga Barang P meningkat, permintaan terhadap Barang Q bertambah manakala permintaan terhadap Barang R berkurang. Maka jelaslah hubungan antara Barang P dan Barang Q adalah positif manakala hubungan antara Barang P dan Barang R adalah negatif. Kesimpulannya, Barang Q ialah barang pengganti bagi Barang P manakala Barang R ialah barang pengganti bagi Barang P.

(ii) Contoh bagi ketiga-tiga barang tersebut:

Barang P : Komputer riba

Barang Q : Tetikus, perisian komputer

Barang R : Komputer meja

(b) Situasi tersebut terjadi akibat daripada perubahan dalam penentu permintaan bukan harga Barang Z seperti:

- Peningkatan dalam harga barang pengganti Barang Z
- Penurunan dalam harga barang pengganti Barang Z
- Peningkatan dalam jumlah pendapatan individu
- Perubahan cita rasa pengguna terhadap penggunaan Barang Z
- Ketibaan musim perayaan
- Dasar kerajaan yang meningkatkan cukai barang import menyebabkan harga barang import meningkat. Oleh itu, permintaan terhadap barangan tempatan seperti Barang Z bertambah.

5.(a) Jadual permintaan pasaran

Harga (RM)	Kuantiti diminta Individu A (unit)	Kuantiti diminta Individu B (unit)	Kuantiti diminta Individu C (unit)	Permintaan pasaran (unit)
6.00	2	7 (X)	12	21
5.00	4	8	15	27 (Y)

(b) Barang A

Pekali keanjalan harga permintaan bagi Barang A ialah 0.5. Nilai pekali keanjalan harga permintaan yang kurang daripada 1 ini menunjukkan Barang A mempunyai permintaan yang tidak anjal. Perubahan harga yang besar akan hanya menyebabkan kuantiti yang diminta berubah pada kadar yang kecil sahaja. Oleh itu, pengeluar boleh meningkatkan jumlah hasilnya dengan meningkatkan harga Barang A.

Barang B

Pekali keanjalan harga permintaan bagi Barang B ialah 1.5. Nilai pekali keanjalan harga permintaan yang lebih daripada 1 ini menunjukkan Barang B mempunyai permintaan yang anjal. Perubahan harga yang kecil boleh menyebabkan kuantiti diminta berubah pada kadar yang

besar. Oleh itu, pengeluar boleh meningkatkan jumlah hasilnya dengan menurunkan harga Barang B.

$$\begin{aligned} 6.(a)(i) \quad \% \Delta Q &= \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times 100 & \% \Delta P &= \frac{P_1 - P_0}{P_0} \times 100 \\ &= \frac{2 - 5}{5} \times 100 & &= \frac{5 - 3}{3} \times 100 \\ &= -60\% & &= 67\% \\ \\ E_d &= \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P} = \frac{-60\%}{67\%} = -0.90 \end{aligned}$$

- (ii) Nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi buah rambutan ialah 0.90. Apabila harga buah rambutan berubah sebanyak 1%, kuantiti diminta buah rambutan akan berubah sebanyak 0.9%. Nilai pekali keanjalan harga permintaan yang kurang daripada nilai 1 ini menunjukkan permintaan terhadap buah rambutan adalah tidak anjal. Peratus perubahan dalam harga adalah lebih besar daripada peratus perubahan dalam kuantiti diminta.
- (b)(i) Apabila berlakunya kemajuan dalam teknologi penanaman buah-buahan tempatan, penawaran buah-buahan tempatan akan meningkat manakala permintaannya masih tetap. Oleh itu, lebih penawaran berlaku dalam pasaran dan harga buah-buahan tempatan menurun.
- (ii) Apabila berlakunya musim kemarau yang berpanjangan, penawaran buah-buahan tempatan akan berkurangan manakala permintaannya masih tetap. Oleh itu, lebih permintaan berlaku dalam pasaran dan harga buah-buahan tempatan meningkat.
- (iii) Apabila berlakunya serangan penyakit kulat dan bakteria terhadap pokok buah-buahan tempatan, penawaran buah-buahan tempatan akan berkurangan manakala permintaannya masih tetap. Oleh itu, lebih permintaan berlaku dalam pasaran dan harga buah-buahan tempatan meningkat.
- (iv) Tindakan kerajaan yang membenarkan pengimportan buah-buahan dari luar negara menyebabkan permintaan terhadap buah-buahan tempatan berkurang manakala penawarannya masih tetap. Oleh itu, lebih penawaran berlaku dalam pasaran dan harga buah-buahan tempatan menurun.

Kajian Kes

(a) Masalah ekonomi yang dihadapi oleh Syarikat Bintang Maju Sdn. Bhd. ialah:

- **Kekurangan**
Syarikat Bintang Maju Sdn. Bhd. menghadapi masalah kekurangan faktor pengeluaran. Modal yang dimiliki hanya sebanyak RM15.5 dan hanya cukup untuk menjalankan satu cadangan sahaja.
- **Pilihan**
Syarikat Bintang Maju Sdn. Bhd. terpaksa membuat pilihan antara dua cadangan keluaran. Syarikat ini akan memilih keluaran yang akan memaksimumkan keuntungannya, iaitu kipas angin jenama 'Nyaman'.
- **Kos lepas**
Kos lepas yang dihadapi oleh Syarikat Bintang Maju Sdn. Bhd. ialah keuntungan yang mungkin daripada keluaran kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan, iaitu keuntungan yang mungkin diterima daripada pelaksanaan cadangan keluaran tepung gandum jenama "Matahari".

(b) Setuju kerana:

- Cita rasa pengguna terhadap produk yang menggunakan kaedah pengeluaran mesra alam
- Penggunaan teknologi hijau dalam proses pengeluaran mencipta nama baik syarikat dan mungkin menerima insentif daripada kerajaan
- Kipas angin merupakan produk baru bagi pasaran tempatan kerana ia merupakan satu-satu dalam negara ini yang menggunakan teknologi mesin dari Jerman

(c) Kepentingan teknologi hijau kepada seseorang:

(i) Pengeluar

- menjaga alam sekitar dan mengelakkan kesan luaran yang negatif (eksternaliti negatif) seperti pencemaran udara, air dan bunyi
- mengurangkan kos operasi dalam jangka masa panjang kerana kaedah pengeluaran yang menggunakan tenaga dengan lebih cekap

(ii) Pengguna

- menjimatkan penggunaan elektrik
- meningkatkan kualiti hidup dengan mengurangkan pencemaran alam sekitar

(d)(i)

$$\begin{aligned}\% \Delta Q &= \frac{Q_1 - Q_0}{Q_0} \times 100 \\ &= \frac{500 - 400}{400} \times 100 \\ &= 25\%\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\% \Delta P &= \frac{P_1 - P_0}{P_0} \times 100 \\ &= \frac{480 - 500}{480} \times 100 \\ &= -4.17\%\end{aligned}$$

$$E_d = \frac{\% \Delta Q}{\% \Delta P} = \frac{25\%}{-4.17\%} = 6$$

(ii) Nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi kipas angin ialah 6. Apabila harga kipas angin berubah sebanyak 1%, kuantiti diminta kipas angin akan berubah sebanyak 6%. Nilai pekali keanjalan harga permintaan yang lebih daripada nilai 1 ini menunjukkan permintaan terhadap kipas angin adalah anjal. Peratus perubahan dalam kuantiti diminta adalah lebih besar daripada peratus perubahan dalam harga.

(e) Setuju kerana:

- permintaan kipas angin adalah anjal
- sebarang perubahan dalam harga yang kecil akan menyebabkan perubahan dalam kuantiti diminta yang banyak
- penurunan harga kipas angin dapat menambahkan kuantiti yang diminta oleh pengguna dengan kadar yang besar dan seterusnya meningkatkan jumlah hasil syarikat
- sebaliknya, sekiranya syarikat meningkatkan harga, kuantiti yang diminta oleh pengguna akan berkurang dengan kadar yang besar kerana pengguna akan memilih untuk membeli barang pengganti yang lain seperti kipas angin jenama lain.

(f) Faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi permintaan kipas angin ialah:

- Harga barang lain seperti barang pengganti (alat penghawa dingin) dan barang penggenap (elektrik)
- Cita rasa pengguna terhadap penggunaan kipas
- Pendapatan individu yang meningkat atau berkurang
- Musim panas atau hujan
- Jangkaan harga kipas angin pada masa depan
- Dasar kerajaan yang mengenakan cukai atas kipas import

(g) Harga keseimbangan kipas angin dapat ditentukan apabila

- kuantiti permintaan pasaran sama dengan kuantiti penawaran pasaran
- tiada lebihan permintaan atau lebihan penawaran dalam pasaran
- harga dan kuantiti tidak cenderung untuk berubah

Bab 3: Wang, Bank dan Pendapatan Individu

Latihan Sumatif 3

(A) Soalan Objektif

1 C	7 A
2 A	8 B
3 D	9 D
4 C	10 A
5 C	11 A
6 B	12 D

(B) Soalan Esei

1. (a) Empat fungsi wang:

- Alat perantaraan pertukaran
- Alat ukuran nilai
- Alat simpanan nilai
- Alat bayaran tertunda

(b) Kemudahan pembayaran bank perdagangan:

- Debit langsung: arahan pelanggan kepada pihak bank untuk membayar apa jua jumlah apabila bil dikemukakan dengan menggunakan baki dalam akaun simpanan
- Pindahan kredit: arahan pelanggan kepada pihak bank untuk membayar terus ke akaun penerima
- Perintah sedia ada: arahan pelanggan kepada pihak bank untuk membayar jumlah yang tetap dan berulang kepada pihak tertentu dengan menggunakan baki dalam akaun simpanan
- Kad kredit: kemudahan pembelian barang secara kredit di dalam dan di luar negara

2.(a) Institusi kewangan yang ditunjukkan merupakan Bank Negara Malaysia (BNM), iaitu bank pusat di negara kita. Institusi ini boleh mempengaruhi aktiviti bank perdagangan dalam aspek berikut:

- **Meluluskan perkhidmatan atau cawangan bank baru**

Setiap bank perdagangan yang ingin menyediakan perkhidmatan baharu atau membuka cawangan baharu perlu mendapat kebenaran daripada BNM.

- **Menentukan kadar rizab berkanun**

Rizab berkanun merujuk kepada kadar deposit pelanggan yang perlu disimpan oleh bank perdagangan dalam BNM. Kadar rizab berkanun akan mempengaruhi keupayaan bank perdagangan untuk memberi pinjaman.

- **Menentukan kadar rizab tunai**

Rizab tunai merujuk kepada kadar deposit pelanggan yang perlu disimpan dalam bank itu sendiri. Kadar rizab tunai akan mempengaruhi keupayaan bank perdagangan untuk memberi pinjaman.

- **Menyediakan akaun penjelasan antara bank**
Setiap bank perdagangan mempunyai sebuah akaun penjelasan di bank pusat. Wang dalam akaun penjelasan ini digunakan untuk menjelaskan hutang antara bank akibat pengeluaran cek.
- **Sumber pinjaman terakhir bagi bank perdagangan**
Bank perdagangan yang mempunyai masalah kekurangan tunai boleh mendapatkan pinjaman daripada bank pusat.

(b) Perbandingan antara upah dengan untung:

Persamaan:

- Kedua-duanya merupakan pendapatan produktif
- Kedua-duanya diterima kerana memberi sumbangan kepada aktiviti ekonomi
- Kedua-duanya merupakan pendapatan individu
- Kedua-duanya dikenakan cukai pendapatan

Perbezaan:

Upah	Untung
<ul style="list-style-type: none">• Ganjaran kepada faktor buruh	<ul style="list-style-type: none">• Ganjaran kepada faktor usahawan
<ul style="list-style-type: none">• Diterima kerana menyumbang tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran	<ul style="list-style-type: none">• Diterima kerana menggabungkan factor pengeluaran
<ul style="list-style-type: none">• Jumlahnya tetap	<ul style="list-style-type: none">• Jumlahnya tidak tetap

3.(a) Pegawai bank mencadangkan kemudahan overdraf kerana

- Mudah diperolehi kerana tidak melibatkan prosedur yang banyak
- Sesuai untuk pembiayaan modal kerja yang melibatkan jumlah kecil
- Boleh membayar dengan cepat kerana pembiayaan boleh diperolehi dengan segera

(b)(i) Tiga sektor ekonomi dalam pekerjaan

- **Sektor utama**
 - Pengeluaran secara langsung daripada alam semula jadi tanpa mengubah suai bentuk barang.
 - Contoh aktiviti yang berkaitan ialah pertanian dan perlombongan.
 - Contoh pekerjaan ialah penyelia ladang.
- **Sektor kedua**
 - Aktiviti pemprosesan bahan mentah kepada barang separuh siap dan barang siap
 - Contoh aktiviti yang berkaitan ialah aktiviti perkilangan dan pembinaan
 - Contoh pekerjaan ialah pengurus kilang.
- **Sektor ketiga**
 - Menyediakan perkhidmatan dan berfungsi sebagai pelengkap kepada sektor utama dan kedua
 - Contoh aktiviti yang berkaitan ialah perbankan dan insurans
 - Contoh pekerjaan ialah pegawai bank

(ii) Tiga faktor lain yang perlu dipertimbangkan:

- **Jarak**
Jarak yang dekat dengan tempat kerja menjimatkan kos pengangkutan dan juga membolehkan individu meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga.
- **Suasana tempat kerja**
Suasana yang selesa dan berisiko rendah membolehkan individu untuk menumpukan perhatian dan meningkatkan produktiviti.
- **Faedah sampingan**
Pelbagai faedah sampingan seperti rawatan perubatan dan cuti akan meningkatkan kebajikan pekerja.

4.(a) Pendapatan boleh guna lebih rendah daripada pendapatan bulanan individu kerana:

- Pendapatan bulanan individu ialah ganjaran yang diterima oleh individu daripada pelbagai sumber seperti upah, sewa, faedah, untung, dividen dan bayaran pindahan.
- Pendapatan boleh guna ialah pendapatan bersih individu setelah ditolak dengan potongan wajib.
- Potongan wajib terdiri daripada caruman KWSP, cukai pendapatan, caruman PERKESO dan zakat.
- Potongan wajib menyebabkan pendapatan bersih berkurang
- Misalnya pendapatan individu ialah RM4 000 dan potongan wajib ialah RM800. Oleh itu pendapatan boleh guna ialah RM4 000 - RM800, iaitu RM3 600.
- Oleh itu, pendapatan boleh guna mempunyai nilai yang lebih rendah daripada pendapatan bulanan individu.

(b) Perbandingan antara dua aktiviti ekonomi:

- Encik Jega melabur secara tabungan manakala Syarikat Pengangkutan Laju Berhad melabur dalam pembelian barang modal.
- Persamaannya ialah
 - Kedua-duanya menerima pulangan
 - Kedua-duanya menyumbang kepada aktiviti ekonomi
 - Kedua-duanya menerima pendapatan faktor
- Perbezaannya ialah

Tabungan	Barang Modal
Pulangan berbentuk faedah	Pulangan berbentuk untung
Tiada risiko	Mempunyai risiko yang lebih tinggi
Menerima pulangan tetap	Menerima pulangan tidak tetap
Menerima pulangan rendah	Menerima pulangan tinggi

5.(a) Pendapatan boleh dikenakan cukai = Pendapatan tahunan – Pelepasan cukai

$$= \text{RM}60\,000 - 24\,000$$

$$= \text{RM}36\,000$$

* Pemberian anak tidak diambil kira kerana bayaran ini merupakan bayaran pindahan

(b) Cukai pendapatan yang perlu dibayar

Butir	RM
RM35 000 pertama	1 525
RM1 000 berikut @ 12%	120
Jumlah	1 625
Tolak: Zakat	400
Cukai pendapatan bersih	1 225

(c) Pendapatan boleh guna

Butir	RM	RM
Pendapatan tahunan		68 000
Tolak: Potongan wajib		
Caruman KWSP (RM60 000 @ 11%)	6 600	
Zakat	400	
Cukai pendapatan	1 245	
Caruman PERKESO	750	
		8 995
Pendapatan boleh guna		59 005

6.(a) (i) Pelaburan hartanah / aset tetap

(ii) • **Kecairan**

Tahap kecairan adalah rendah kerana sukar ditukar kepada wang tunai apabila diperlukan.

• **Risiko**

Tahap risiko adalah sederhana. Harga hartanah bergantung kepada keadaan ekonomi dan juga pasaran hartanah yang sentiasa berubah.

• **Pulangan**

Pulangan yang diterima adalah dalam bentuk pendapatan semasa (bayaran sewa) dan juga keuntungan modal (kenaikan harga hartanah).

(b) (i) Kerajaan menguatkuasa peraturan tersebut supaya

- aktiviti spekulasi dapat dikawal
- kenaikan harga rumah baharu dapat dikawal
- golongan berpendapatan rendah dan sederhana mampu memiliki rumah
- aktiviti pembiayaan untuk perumahan dikawal
- inflasi dapat dikawal

(ii) Kesan peraturan tersebut kepada

- **industri hartanah**
 - Jualan rumah merosot
 - Aktiviti pembinaan rumah berkurang

- Keuntungan merosot
 - Harga rumah turun
 - Pelaburan berkurang
- **pelabur**
 - Aktiviti pelaburan berkurang
 - Terpaksa membeli rumah yang berharga tinggi
 - Memerlukan tunai yang banyak
 - Sukar menjual semula rumah
 - Kesukaran mendapat pembiayaan bank
 - Mendapat pulangan yang rendah

7.(a) Bayaran pindahan = Pampasan insurans nyawa
= RM12 000

(b) Potongan wajib = Zakat + Caruman KWSP + Cukai pendapatan + Caruman PERKESO
= RM100 + RM440 + RM45 + RM50
= RM635

(c) Pendapatan individu = Gaji + Dividen ASN + Pampasan insurans nyawa + Elaun perjalanan
= RM4 000 + RM600 + RM12 000 + RM400
= RM17 000

$$\begin{aligned}\text{Pendapatan boleh guna} &= \text{Pendapatan individu} - \text{Potongan wajib} \\ &= \text{RM17 000} - \text{RM635} \\ &= \text{RM16 365}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{(d) Perbelanjaan penggunaan} &= \text{Makanan} + \text{Ansuran kereta} + \text{Pelbagai bil} + \text{Sewa rumah} + \\ &\quad \text{Premium insurans nyawa} \\ &= \text{RM800} + \text{RM1 100} + \text{RM600} + \text{RM900} + \text{RM150} \\ &= \text{RM3 550}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{(e) Tabungan} &= \text{Pendapatan boleh guna} - \text{Perbelanjaan penggunaan} \\ &= \text{RM16 365} - \text{RM3 550} \\ &= \text{RM12 815}\end{aligned}$$

8.(a)(i) Sebab mengurangkan potongan caruman KWSP ialah:

- menggalakkan perbelanjaan penggunaan
- meningkatkan jumlah tunai dalam ekonomi
- meningkatkan permintaan barang dan perkhidmatan
- menstimulasikan ekonomi

(ii) Sebab sesetengah individu tidak bersetuju ialah:

- tabungan hari tua berkurangan
- terpaksa membayar cukai pendapatan yang tinggi
- pelepasan cukai berkurangan
- menggalakkan perbelanjaan boros
- kebajikan pekerja selepas bersara terjejas
- peningkatkan inflasi

(b) Tiga faktor mempengaruhi corak perbelanjaan individu ialah:

- **Pendapatan**

Kenaikan pendapatan Individu menyebabkan kuasa beli meningkat dan seterusnya meningkatkan perbelanjaan terhadap barang dan perkhidmatan. Misalnya, peningkatan gaji kakitangan awam akan meningkatkan kuasa beli dan seterusnya meningkatkan perbelanjaan pengguna.

- **Harga**

Peningkatan harga barang dan perkhidmatan di pasaran akan menyebabkan kuasa beli pengguna merosot dan seterusnya menyebabkan perbelanjaan pengguna berkurang.

- **Barang pengganti**

Peningkatan harga sesuatu barang akan menyebabkan individu beralih kepada penggunaan barang penggantinya yang mempunyai harga lebih rendah secara relatif.

Kajian Kes

(a) Pekerjaan Encik Salleh sebagai seorang penoreh getah pada peringkat permulaan tergolong dalam sektor utama dalam ekonomi. Sektor ini melibatkan pengeluaran secara langsung daripada alam semula jadi tanpa mengubah suai bentuk barang. Contohnya, Encik Salleh mengumpul susu getah daripada pokok getah untuk dijual tanpa memproseskan susu getah tersebut.

(b) Ya kerana

- Memperoleh pendapatan yang lebih tinggi
- Mempunyai kebebasan dalam corak pengurusan dan masa bekerja
- Boleh menggunakan idea yang kreatif dan inovatif
- Pulangan yang diterima selaras dengan usaha individu

(c) Ciri-ciri peribadi yang dimiliki oleh Encik Salleh:

- berani menanggung risiko dengan mencagarkan rumah arwah ibunya untuk mendapatkan pinjaman bank sebagai modal perkembangan perniagaan
- bijak merebut peluang dengan memohon bantuan kewangan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat
- berusaha gigih sehingga menjadi pengeluar perabot utama negeri Pahang
- memandang jauh ke masa hadapan dan mencari jalan untuk mengembangkan perniagaan sedia ada

(d) Ya kerana

- Membuat pertimbangan wajar sebelum bertindak
- Mengambil kira keadaan perniagaan
- Mengambil risiko yang boleh dihitung
- Mengambil pinjaman mengikut kemampuan

(e) Kemudahan yang digunakan oleh Encik Salleh ialah pinjaman bercagar. Pinjaman ini memerlukan cagaran dan jumlah pembiayaan boleh dibayar balik secara ansuran. Pinjaman ini

dikenakan faedah atas keseluruhan pinjaman. Harta yang dicagarkan akan dilelong jika peminjam gagal menjelaskan pinjamannya dalam tempoh yang ditetapkan.

- (f) • Pembelian stok rotan dengan pembiayaan Bank Islam melibatkan prinsip *Bai Bithaman Ajil*. Bank boleh menjual stok rotan kepada Encik Salleh dengan pembayaran tertangguh pada harga tertentu termasuk margin keuntungan yang telah dipersetujui. Encik Salleh akan membayar harga stok rotan secara ansuran berdasarkan syarat yang telah ditetapkan.
- Pembelian dua buah mesin dengan pembiayaan Bank Islam melibatkan prinsip *Takjiri*. Bank membeli dua buah mesin tersebut dan menyewakan kepada Encik Salleh. Encik Salleh akan membayar sewa untuk tempoh tertentu. Selepas tamat tempoh, dua buah mesin tersebut akan dipindah milik kepada Encik Salleh.

(g) Sebab usahawan menghadapi kegagalan ialah:

- Kurang kemahiran
- Kekurangan modal
- Persaingan
- Gagal menilai persekitaran perniagaan
- Tidak memanfaatkan kemudahan dan khidmat nasihat agensi kerajaan
- Gagal menggunakan modal dengan cekap
- Gagal melahirkan idea yang kreatif dan inovatif

Bab 4: Pengeluaran

Latihan Sumatif 4

(A) Soalan Objektif

1 D	6 D
2 B	7 C
3 B	8 A
4 B	9 C
5 C	10 B

(B) Soalan Esei

- 1.(a) - Pengeluaran merupakan proses menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
- Pengeluaran juga dapat ditakrifkan sebagai suatu proses mengubah bentuk input kepada output atau keluaran
 - Contohnya, kayu balak (input) dipotong menjadi kepingan papan (mengubah bentuk) dan kemudian diproses untuk menjadi perabot (output) yang melibatkan tambahan nilai dalam proses pengeluaran output

(b) Perbezaan antara pengeluaran jangka pendek dengan pengeluaran jangka panjang

Pengeluaran jangka masa pendek	Pengeluaran jangka masa panjang
<ul style="list-style-type: none">• Melibatkan input berubah dan sekurang-kurangnya wujud satu input tetap dalam proses pengeluaran	<ul style="list-style-type: none">• Melibatkan input berubah sahaja dalam proses pengeluaran
<ul style="list-style-type: none">• Tingkat output dapat diubah dengan mengubah kuantiti input berubah	<ul style="list-style-type: none">• Tingkat output boleh diubah dengan mengubah semua input yang digunakan
<ul style="list-style-type: none">• Kuantiti input tetap tidak boleh ditambah atau dikurangkan walaupun tingkat output berubah	<ul style="list-style-type: none">• Tidak wujud input tetap kerana firma mempunyai masa yang mencukupi untuk mengubah semua input tetap
<ul style="list-style-type: none">• Jumlah kuantiti output yang mampu dikeluarkan adalah terhad kerana hanya input berubah boleh ditambah	<ul style="list-style-type: none">• Jumlah kuantiti output boleh bertambah dengan banyak kerana semua input boleh diubah

2.(a) Perbezaan ciri input berubah dan input tetap

Input berubah/Gambar 1	Input tetap/Gambar 2
<ul style="list-style-type: none">• Jumlah kuantitinya berubah secara langsung dengan tingkat output	<ul style="list-style-type: none">• Jumlah kuantitinya tetap pada setiap tingkat output
<ul style="list-style-type: none">• Mudah diubah dalam jangka masa yang singkat	<ul style="list-style-type: none">• Sukar diubah dan memerlukan suatu jangka masa yang panjang untuk berubah
<ul style="list-style-type: none">• Tidak wujud apabila tingkat output adalah sifar	<ul style="list-style-type: none">• Tetap wujud walaupun tingkat output adalah sifar

(b) (i) Jangka masa pendek kerana

- sekurang-kurangnya terdapat satu input tetap
- tingkat output dapat diubah dengan mengubah penggunaan input berubah

(ii)

(1) Input berubah (unit)	(2) Jumlah keluaran (unit)	(3) = (2)/(1) Keluaran purata (unit)	(4) = $\Delta(2)/\Delta(1)$ Keluaran marginal (unit)
2	10	5	-
3	18	6	8
5	26	5.2	4
6	30	5	4

(iii) Hubungan antara jumlah keluaran, keluaran purata dan keluaran marginal:

- Apabila jumlah keluaran meningkat, keluaran purata semakin meningkat dan mencapai nilai maksimum sebanyak 6 unit pada input berubah ke-3.
- Apabila jumlah keluaran meningkat, keluaran marginal semakin meningkat dan kemudian menurun
- Keluaran marginal melebihi keluaran purata sebelum input berubah ke-3 dan menjadi kurang daripada keluaran purata selepas input berubah ke-5

3. (a)(i) Nilai A = Kos marginal pada keluaran ke-1

$$\frac{\text{Perubahan dalam jumlah kos } (\Delta TC)}{\text{Perubahan dalam jumlah keluaran } (\Delta Q)}$$

$$= \frac{RM190 - RM100}{1 - 0}$$

$$= RM90$$

Nilai B = Jumlah kos pada keluaran ke-2

$$= \text{Jumlah kos pada keluaran ke-1} + \text{Kos marginal pada keluaran ke-2}$$

$$= RM190 + RM80$$

$$= RM270$$

$$(ii) \text{ Kos purata bagi keluaran ke-3} = \frac{\text{Jumlah kos (TC)}}{\text{Jumlah keluaran (TP)}}$$

$$= \frac{RM340}{3 \text{ unit}}$$

$$= RM113.33$$

$$\begin{aligned}
 \text{Kos purata bagi keluaran ke-7} &= \frac{\text{Jumlah kos (TC)}}{\text{Jumlah keluaran (TP)}} \\
 &= \frac{\text{RM640}}{7 \text{ unit}} \\
 &= \text{RM91.43}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{(iii) Kos berubah bagi keluaran ke-4} &= \text{Jumlah kos} - \text{Kos tetap} \\
 &= \text{RM400} - \text{RM100} \\
 &= \text{RM300}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Kos berubah bagi keluaran ke-9} &= \text{Jumlah kos} - \text{Kos tetap} \\
 &= \text{RM890} - \text{RM100} \\
 &= \text{RM790}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{(iii) Kos berubah bagi keluaran ke-4} &= \text{Jumlah kos} - \text{Kos tetap} \\
 &= \text{RM400} - \text{RM100} \\
 &= \text{RM300}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{Kos berubah bagi keluaran ke-9} &= \text{Jumlah kos} - \text{Kos tetap} \\
 &= \text{RM890} - \text{RM100} \\
 &= \text{RM790}
 \end{aligned}$$

(b) Hubungan antara kos purata dan kos marginal:

- Apabila kos purata menurun dari keluaran ke-1 sehingga keluaran ke-7, kos marginal adalah lebih rendah daripada kos purata.
- Apabila kos purata mencapai nilai minimum, kos marginal adalah hampir sama dengan kos purata, iaitu RM90.
- Apabila kos purata meningkat dari output ke-8 hingga ke-9, kos marginal adalah lebih tinggi daripada kos purata.

$$\begin{aligned}
 \text{4.(a)(i) Kos purata} &= \frac{\text{Jumlah kos (TC)}}{\text{Jumlah keluaran (TP)}} \\
 &= \frac{\text{RM28 000} + \text{RM16 500}}{30\,000 \text{ unit}} \\
 &= \text{RM1.48}
 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned}
 \text{(ii) Jumlah keuntungan} &= \text{Jumlah hasil} - \text{Jumlah kos} \\
 &= (30\,000 \text{ unit} \times \text{RM2.00}) - (30\,000 \text{ unit} \times \text{RM1.48}) \\
 &= \text{RM15 600}
 \end{aligned}$$

(b) (i) **Hasil**

Hasil ialah jumlah nilai penerimaan yang diterima oleh firma daripada jualan kesemua keluarannya. Jumlah hasil boleh dikira dengan rumus berikut:

$$\text{Jumlah hasil (TR)} = \text{Harga seunit} \times \text{Kuantiti keluaran}$$

Contohnya, Firma XYZ mengeluarkan 250 unit keluaran dan menjualnya dengan harga RM8.00 seunit. Jumlah hasil yang diterima oleh Firma XYZ ialah:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah hasil (TR)} &= \text{Harga seunit} \times \text{Kuantiti keluaran} \\ &= \text{RM8.00} \times 250 \text{ unit} \\ &= \text{RM2 000}\end{aligned}$$

Untung

Untung ialah perbezaan antara jumlah hasil yang diterima dan kos yang ditanggung oleh firma. Untung boleh dikira dengan rumus berikut:

$$\text{Untung} = \text{Jumlah hasil} - \text{Jumlah kos}$$

Contohnya, jumlah hasil Syarikat Bina Jaya ialah RM56 000. Kos syarikat terdiri daripada kos bahan mentah RM20 000, kos upah buruh RM16 800, kos sewa bangunan kilang RM5 600 dan kos bahan api RM2 400. Jumlah untung yang diterima oleh Syarikat Bina Jaya ialah:

$$\begin{aligned}\text{Jumlah untung} &= \text{Jumlah hasil} - \text{jumlah kos} \\ &= \text{RM56 000} - (\text{RM20 000} + \text{RM16 800} + \text{RM5 600} + \text{RM2 400}) \\ &= \text{RM56 000} - \text{RM44 800} \\ &= \text{RM11 200}\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{(ii) Untung ekonomi} &= \text{Jumlah hasil} - (\text{Kos eksplisit} + \text{Kos implisit}) \\ &= \text{RM40 000} - [(\text{RM10 000} + \text{RM2 400} + \text{RM1 000}) + (\text{RM400} + \text{RM2 500})] \\ &= \text{RM23 700}\end{aligned}$$

- 5.(a) Produktiviti ialah kemampuan untuk menghasilkan output daripada sejumlah input yang diberikan. Produktiviti boleh digunakan untuk mengukur kecekapan dan keberkesanan dalam penggunaan input. Produktiviti menjelaskan perhubungan antara output yang dihasilkan dengan input yang digunakan.
- (b) Tenaga buruh yang berkebolehan dan kemahiran akan meningkatkan produktiviti. Pihak pengurusan harus sentiasa menyediakan latihan dan program pembangunan yang berkaitan dengan bidang kerja kepada pekerja untuk meningkatkan kemahiran dan ilmu mereka. Nilai-nilai yang positif dalam kalangan pekerja dan semangat motivasi yang tinggi akan mendorong mereka menghasilkan kerja dengan lebih cemerlang. Pihak pengurusan boleh memberi ganjaran kepada pekerja sebagai motivasi sekiranya mereka berjaya mencapai sasaran yang ditentukan.

6. (a) Kos sosial merupakan kos kepada pihak ketiga yang tidak termasuk dalam harga pasaran hasil daripada pengeluaran atau penggunaan sesuatu barang dan perkhidmatan. Kos sosial meliputi kos peribadi dan kos luaran.

Faedah sosial merupakan faedah kepada pihak ketiga selain daripada pengguna dan pengeluar hasil daripada pengeluaran atau penggunaan sesuatu barang dan perkhidmatan. Faedah sosial meliputi faedah peribadi dan faedah luaran.

(b) Tiga faedah sosial daripada kilang pakaian:

- Menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik disediakan

- Meningkatkan sistem pengangkutan dan perhubungan
- Menjana lebih banyak peluang pekerjaan
- Meningkatkan taraf hidup masyarakat sekitar

Kajian Kes

(a) Syarikat MJAuto Berhad dapat meningkatkan produktiviti melalui:

- **Meningkatkan penggunaan teknologi moden dalam proses pengeluaran**
 - menjimatkan masa pengeluaran dan penggunaan tenaga
 - mengurangkan pembaziran bahan mentah
 - meningkatkan jumlah keluaran
 - menjimatkan kos
 - meningkatkan keuntungan
- **Menyediakan seminar kepada pekerja**
 - meningkatkan kemahiran dan ilmu pekerja
 - membantu pekerja memahami prosedur kerja
 - memberi motivasi kepada pekerja

(b)(i) Kaedah pengeluaran Y wajar dipilih kerana:

- kos purata pengeluaran adalah lebih rendah berbanding dengan kaedah pengeluaran X
- kaedah pengeluaran yang lebih cekap kerana kos purata lebih rendah
- dapat memaksimumkan keuntungan syarikat

$$\begin{aligned} \text{(ii) Jumlah kos pengeluaran} &= \text{Kos purata} \times \text{Jumlah keluaran} \\ &= \text{RM58 800} \times 12\,000 \text{ buah} \\ &= \text{RM705 600 000} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(iii) Keuntungan} &= \text{Jumlah hasil} - \text{jumlah kos} \\ &= (\text{RM76 800} \times 9\,000 \text{ buah}) - (\text{RM58 800} \times 9\,000 \text{ buah}) \\ &= \text{RM691 200 000} - \text{RM529 200 000} \\ &= \text{RM162 000 000} \end{aligned}$$

(c)(i) Input tetap : Mesin/bangunan kilang/tanah/jentera
Input berubah : Besi/bahan mentah/buruh/air dan elektrik

(ii) Pengeluaran jangka masa pendek kerana:

- terdapat sekurang-kurangnya satu input tetap, iaitu mesin
- tingkat output dapat diubah dengan mengubah penggunaan input berubah, iaitu buruh

(d)(i) Faedah sosial

- kewujudan peluang pekerjaan yang lebih banyak
- penyediaan kemudahan infrastruktur yang lebih lengkap dan baik

(ii) Kos sosial

- pencemaran bunyi atau alam sekitar
- kesesakan lalu lintas